

REFORMASI TANAH AKIBAT KESAN FARAID

Oleh

Tun Abdul Hamid Mohamad

Pada 6 Mac 2016 saya mengeluarkan rencana saya bertajuk *“Pembahagian Pusaka: Masalah Serius Kesan Faraid Perlu Ditangani”*. Pada 18 April 2020, saya mengeluarkan rencana saya bertajuk *“Kesan Faraid: Apa Penyelesaiannya?”* bersama-sama naskhah dalam Bahasa Inggerisnya *“Effects Of Faraid: What Is The Solution?”* yang *“Ditujukan kepada mereka yang berani berfikir”*.

Ketiga-tiga rencana itu diterbitkan dalam kedua-dua laman web saya, beberapa portal berita, akhbar dan buku saya. Ia dihantar juga kepada Menteri dan jabatan berkenaan. Hanya seorang individu, saya percaya seorang usahawan respond, bersetuju dengan cadangan saya itu.

Dalam tahun 2021, saya memberinya kepada usahawan muda anak seorang bekas Menteri Sarawak yang menziarah saya. Beberapa hari kemudian beliau WhatsApp saya, *“Saya tidak fikir ada Perdana Menteri yang berani menyentuhnya.”* Itulah jawapan kepada ketiadaan *response* daripada ahli-ahli politik.

Saya percaya, (hamplr) tidak ada Perdana Menteri yang berani atau sanggup menyentuh isu ini kerana takutkan penentangan pengundi-pengundi Melayu/Islam. Tetapi, saya menaruh harapan jika ada seorang Perdana Menteri yang lebih berkemungkinan daripada yang lainnya untuk melakukannya, DS Anwar Ibrahim adalah orangnya.

Eloklah saya bentangkan masalah yang kita hadapi dan cadangan saya untuk mengatasinya dahulu.

Masalah

Dalam rencana ini kita hanya tumpukan kepada pusaka hartanah. Bagi orang Islam di Malaysia, pembahagian pusaka adalah mengikut hukum faraid. Bilangan penerima pusaka dan pemilik pusaka itu akan bertambah dari satu generasi ke satu generasi menjadikan bahagian seseorang itu semakin kecil.

Akibatnya, satu lot tanah yang kecil itu akan, selepas beberapa generasi, mempunyai pemilik bersama tidak berdaftar berpuluh-puluh orang. Mereka tidak memohon perintah pembahagian pusaka kerana bahagian masing-masing terlalu kecil dan tidak ada sesiapa di antara mereka yang sanggup mengumpulkan semua waris-waris itu untuk berulang alik ke pejabat tanah dan mengeluarkan perbelanjaan untuknya.

Walaupun kedudukan tanah itu sesuai untuk pembangunan, katakanlah perumahan, ia tidak boleh dibangunkan kerana pemilik berdaftar telah meninggal dunia beberapa lama dahulu dan tanah itu tidak boleh dijual dan dipindah milik.

Walaupun, setiap satu pusaka itu kecil keluasanannya, tetapi apabila dicampur pusaka berjuta-juta orang Melayu/Islam, maka jumlahnya adalah besar. Bayangkan sahaja keluasan sawah padi di kawasan Sabak Bernam Selangor, di kawasan Kerian Perak, Seberang Perai Utara, Kedah Utara, Perlis dan Kelantan yang luas terbentang. Tetapi, terfikirakah kita berapa juta orangkah pemiliknya? Saya percaya hampir kesemua tanah itu mempunyai masalah seperti yang saya sebutkan itu.

Cadangan

Buat permulaan, reformasi ini terpakai kepada tanah pertanian sahaja. Tanah pertanian ertinya tanah untuk bercucuk tanam seperti padi, getah dan lain-lain dan tidak ada rumah kediaman dibina di atasnya.

Saya cadangkan, kerajaan menghadkan bilangan pemilik berdaftar bagi satu lot tanah pertanian tidak boleh lebih daripada satu orang bagi satu ekar ke bawah. Ertinya, jika keluasan tanah itu adalah satu ekar ke bawah, seorang. Jika keluasan lot itu kurang daripada dua ekar, juga seorang. Jika keluasan lot itu kurang daripada tiga ekar tetapi lebih dari dua ekar, dua orang dan seterusnya.

Dalam pembahagian pusaka, jika bilangan waris yang berhak melebihi had itu:

- i. Jika semua waris bersetuju menjual, sama ada kepada waris atau bukan, mereka boleh menjualnya dan membahagikan hasilnya mengikut faraid.
- ii. Jika waris tidak bersetuju menjual atau tidak ada pembeli, tanah itu akan dibeli oleh sebuah syarikat milik kerajaan yang ditubuhkan oleh kerajaan (Persekutuan atau Negeri). Syarikat itu akan membayar harga pasaran yang akan ditentukan oleh Pentadbir Tanah dan hasil jualan itu akan dibahagikan di antara waris-waris, mengikut faraid. Selepas itu, terserahlah kepada syarikat itu untuk menyewakannya semula, membangunkannya atau melakukan apa yang difikir sesuai.

Alasan-alasan bantahan

1. Menyalahi Syarak

Saya fikir masalah yang paling ditakuti oleh pemimpin-pemimpin politik untuk menangani masalah ini ialah mereka takut dituduh perbuatan itu menyalahi syarak. Penentang reformasi ini akan mengatakan faraid adalah cara pembahagian pusaka orang Islam yang ditetapkan Allah dalam al-Quran. Ia tidak boleh diubah.

Hujah saya ialah kita tidak mengubah hukum faraid; kita tidak mengubah waris-waris yang layak menerima pusaka; kita tidak mengubah bahagian yang layak diterima oleh seseorang waris; oleh itu ia tidak menyalahi syarak. Seseorang waris yang berhak menerima pusaka tetap berhak menerimanya, mengikut bahagian yang dia layak menerimanya. Cuma bezanya, jika bahagian pusakanya itu kurang daripada satu ekar

tanah pertanian, dia akan menerima bahagiannya dalam bentuk wang. Dia boleh memiliki kesemua tanah itu jika dia sanggup membeli bahagian waris-waris lain.

Jika ia menyalahi hukum faraid sekali pun, saya menghujahkan bahawa ia dibenarkan syarak kerana:

- i. Ia dilakukan dengan persetujuan waris-waris; atau
- ii. jika tidak dengan persetujuan waris sekalipun, ia dilakukan dengan kuatkuasa undang-undang yang dibuat oleh Parlimen (Kerajaan/Pemerintah) .

Jika semua waris bersetuju, ia tidak menjadi isu.

Jika ia tidak dipersetujui oleh waris-waris, saya menghujahkan kerajaan dibenarkan syarak untuk melakukannya atas alasan masalah (kepentingan awam). Sebenarnya, kita telah melakukan hal seperti itu.

Misalnya:

- i. kita telah mengubah umur layak berkahwin daripada baligh kepada 18 tahun bagi lelaki dan 16 bagi perempuan - seksyen 8, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303).
- ii. dalam perbankan Islam, dalam mesyuarat ke 101 pada 20 Mei 2010, Lembaga Penasihat Syariah Bank Negara *“telah memutuskan bahawa Bank Negara Malaysia sebagai pihak berkuasa boleh menghendaki institusi kewangan Islam untuk memberikan ibra' kepada pelanggan mereka yang menyelesaikan obligasi hutang mereka yang timbul daripada kontrak berasaskan jualan (seperti bai' bithaman ajil atau murabahah) sebelum tempoh penyelesaian yang dipersetujui. Bank Negara Malaysia juga boleh menghendaki terma dan syarat ibra' dimasukkan dalam perjanjian pembiayaan untuk menghapuskan sebarang ketidakpastian berkenaan dengan kelayakan pelanggan untuk menerima ibra' daripada institusi kewangan Islam. Formula ibra' akan ditentukan dan diseragamkan oleh Bank Negara Malaysia....”*ⁱ

Ini bercanggah dengan pendapat sebelumnya bahawa pemberian ibra' adalah budibicara institusi kewangan. Lihat juga *“Application and Development of Ibra' in Islamic Banking in Malaysia”* oleh Tun Abdul Hamid Mohamad dan Dr. Adnan Trakic yang boleh didapati dalam laman web saya).

Perlu diingat bahawa, pertama, isu syariah yang dibincangkan di sini hanyalah sekadar pemahaman saya, bukan seorang ulamak. Kerajaan Persekutuan bolehlah mendapat pandangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan mengenainya.

Kedua, cadangan ini masih di peringkat awal. Ia perlu dihalusi bukan sahaja dari segi hukum, tetapi juga dari segi undang-undang, ekonomi dan pentadbiran. Mungkin idea yang lebih baik akan timbul.

2. Penentangan tuan-tuan tanah dan waris-waris atas alasan-alasan lain

Saya tidak fikir ada alasan yang kuat untuk menentang reformasi ini setelah alasan syariah dipatahkan. Waris-waris itu sendiri merungut mengenai masalah yang dihadapi mereka sekarang, terutama sekali jika terdapat satu dua orang yang keras kepala. Waris-waris yang hanya mempunyai bahagian pusaka yang kecil yang biasanya tidak akan melihat hasilnya akan menerima habuan. Mereka juga lebih berpelajaran dan pandai memperolehi maklumat untuk kepentingan diri mereka sendiri yang bererti mereka akan mengambil faedah daripada reformasi ini. Orang yang mendapat faedah daripadanya tidak akan menentang, lagi banyak yang mendapat faedah, lagi sedikit yang akan menentang.

Penyelesaian masalah rumit dengan reformasi mudah

Kerajaan hanya memerlukan majoriti mudah untuk membuat undang-undang untuk melakukan reformasi ini. Kerajaan (Parlimen) hanya perlu membuat sedikit pindaan kepada undang-undang berkenaan. Biarlah Peguan Negara menentukannya. Saya yakin dengan majoriti seperti sekarang pun kerajaan boleh melakukannya. Tidak ada sebab mengapa parti-parti dalam kerajaan tidak hendak menyokong. Malah, pembangkang juga sepatutnya menyokong.

Tanah orang bukan Islam

Walaupun masalah ini tidak terlalu serius kepada orang bukan Islam, reformasi ini boleh dipanjangkan kepada tanah orang bukan Islam dalam keadaan yang serupa supaya ia menjadi satu dasar kebangsaan. Saya tidak nampak apa-apa sebab bagi mereka membantahnya.

Pelaksanaan permulaan

Saya fikir, buat permulaan, eloklah kita mulakan dengan kes-kes permohonan pembahagian pusaka supaya kita tidak terpaksa menyediakan banyak pegawai baru untuk mengurusnya dan modal yang banyak dengan segera untuk membeli tanah-tanah itu. Setiap hari perbicaraan pembahagian pusaka berlaku di Mahkamah Tinggi dan pejabat tanah. Apabila waris-waris mendengar bahawa mereka boleh mendapat wang daripada bahagian pusaka mereka, mereka sendiri akan mendapat maklumat mengenainya dan membuat permohonan.

Kesimpulan

Saya percaya, jika reformasi ini dilakukan ia akan menjadi satu reformasi tanah yang aman dalam sejarah; yang pertama bagi menangani akibat faraid, tanpa menimbulkan isu syariah; yang menunjukkan bahawa syariah boleh *develop* dan sesuai dilaksanakan di mana-mana walaupun beribu tahun kemudian. Perdana Menteri yang berani berfikir dan melaksanakannya akan diingati hingga bila-bila.

18 03 2023

tunabdulhamid@gmail.com
<http://www.tunabdulhamid.my>
<https://tunabdulhamid.me>

Nota

ⁱ *The SAC, in its 101st meeting dated 20 May 2010, has resolved that Bank Negara Malaysia as the authority may require Islamic financial institutions to accord ibra' to their customer who settled their debt obligation arising from the sale-based contract (such as bai' bithaman ajil or murabahah) prior to the agreed settlement period. Bank Negara Malaysia may also require the terms and conditions on ibra' to be incorporated in the financing agreement to eliminate any uncertainty with respect to customer's entitlement to receive ibra' from Islamic financial institution. The ibra' formula will be determined and standardised by Bank Negara Malaysia.*